

PERKEMBANGAN PERNYATAAN BERAMARAN DI DALAM UNDANG-UNDANG PROSEDUR JENAYAH DI MALAYSIA

Zulazhar Tahir¹

Abstrak

Pernyataan beramaran di Malaysia secara amnya boleh didapati di dalam Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593). Seksyen yang memperuntukkan pernyataan beramaran ini pula boleh dilihat di dalam seksyen 113(1)(a)(ii) Kanun Prosedur Jenayah. Pemakaian pernyataan beramaran di bawah Kanun Prosedur Jenayah adalah berdasarkan kepada prinsip *generalia specialibus non derogant* iaitu jika wujud statut yang spesifik yang memeruntukkan sesuatu prosedur maka statut tersebut akan terpakai mengatasi peruntukkan di dalam Kanun Prosedur Jenayah. Antara statut yang mempunyai peruntukan yang spesifik mengenai pernyataan beramaran ini di Malaysia adalah seperti seksyen 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952, seksyen 75 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, seksyen 16 Akta Pencolekan 1961 dan sebagainya. Peruntukan mengenai pernyataan beramaran di bawah akta-akta ini adalah in pari materia dengan Kanun Prosedur Jenayah. Di antara hak yang diberikan kepada tertuduh di bawah seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah adalah hak untuk tidak menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya oleh pihak polis semasa berada di dalam siasatan atau lebih dikenal sebagai hak untuk berdiam diri.² Hak ini merupakan sesuatu yang penting memandangkan apa-apa pernyataan yang dibuat oleh tertuduh selepas pernyataan beramaran diberikan boleh digunakan terhadapnya semasa perbicaraan. Oleh yang demikian hak untuk berdiam diri ini secara tidak langsung boleh melindungi tertuduh daripada membuat sebarang pernyataan tanpa merujuk atau mendapat nasihat daripada peguam pilihannya. Namun begitu, perkembangan terkini pernyataan beramaran ini telah menunjukkan perubahan yang agak ketara setelah seksyen 45(3) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta No. 575) diperkenalkan. Pernyataan beramaran yang digunakan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 adalah amat berbeza sekali dengan kebiasaan pernyataan beramaran di bawah Kanun Prosedur Jenayah serta Statut-statut yang lain. Di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997, hak tertuduh untuk berdiam diri semasa siasatan telah secara tidak langsung dinafikan. Ini adalah kerana di bawah seksyen 45(3) Akta Pencegahan Rasuah 1997 ada menyatakan bahawa jika tertuduh gagal mengemukakan fakta-fakta yang relevan kepada pembelaan yang akan beliau gunakan semasa perbicaraan maka fakta tersebut berdepan dengan risiko tidak diterima oleh Mahkamah. Selain daripada itu, peruntukkan ini juga membenarkan Mahkamah untuk membuat anggapan terhadap tertuduh jika mereka memilih untuk berdiam diri semasa siasatan. Perkara ini secara langsung dan tidak langsung telah mengubah iklim pernyataan beramaran yang selama ini dipakai di Malaysia.

Pengenalan

Pada masa ini keperluan pernyataan beramaran di Malaysia secara amnya boleh didapati di dalam Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593). Seksyen yang memperuntukkan pernyataan beramaran ini pula boleh dilihat di dalam seksyen 113(1)(a)(ii) Kanun Prosedur Jenayah. Pemakaian pernyataan beramaran di bawah Kanun Prosedur Jenayah adalah berdasarkan kepada prinsip *generalia specialibus non derogant* iaitu jika wujud statut yang spesifik yang memeruntukkan sesuatu prosedur maka statut tersebut akan terpakai mengatasi

¹ Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, zulazhar@um.edu.my

² Public Prosecutor v. Krishna Rao a/l Gurumurthi [2000] 1 MLJ 274.

peruntukkan di dalam Kanun Prosedur Jenayah. Antara statut yang mempunyai peruntukan yang spesifik mengenai pernyataan beramaran ini di Malaysia adalah seperti seksyen 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952, seksyen 16 Akta Pencolekan 1961 dan sebagainya. Peruntukan mengenai pernyataan beramaran di bawah akta-akta ini adalah *in pari materia* dengan Kanun Prosedur Jenayah

Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006.

Perkembangan terkini kepada pernyataan beramaran di bawah Kanun Prosedur Jenayah ialah dengan melihat kepada peruntukan di bawah Akta A1274. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006³ telah meminda seksyen 113 yang memperuntukan keperluan amaran di bawah amalan biasa sebegini ini. Di bawah seksyen 113(1) Akta A1274 menyatakan bahawa tiada apa-apa pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang pegawai polis semasa dalam siasatan boleh digunakan sebagai keterangan. Namun begitu, Akta A1274 semasa artikel ini ditulis masih lagi belum dikuatkuasakan. Apabila dikuatkuasakan kelak maka keperluan pernyataan beramaran dan hak-hak tertuduh di bawah pernyataan tersebut tidak lagi menjadi isu atau relevan. Namun begitu, pindaan ini hanya berlaku kepada Kanun Tatacara Jenayah sahaja dan tidak diperluaskan kepada statut-statut yang lain. Kebanyakan statut masih lagi mempunyai peruntukan beramaran ini yang *in pari materia* dengan seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah (sebelum kuatkuasanya Akta A1274).⁴ Oleh yang demikian isu serta hak-hak yang ada masih lagi sama jika tertuduh disiasat di bawah statut-statut yang berkenaan. Oleh yang demikian, perbincangan yang dibuat di dalam artikel ini adalah berkenaan dengan kedudukan sebelum Akta A1274 dikuatkuasakan. Selepas berkuatkuasanya pindaan Akta A1274 ini, seksyen 113 akan berbunyi;

113 (1) Except as provided in this section, no statement made by any person to a police officer in the course of a police investigation made under this chapter shall be used in evidence.

- (2) When any witness is called for the prosecution or for the defence, other than the accused the court shall, on the request of the accused or the prosecutor, refer to any statement made by that witness to a police officer in the course of a police investigation under this Chapter and may then, if the court thinks fit in the interest of justice, direct the accused to be furnished with a copy of it and the statement may be used to impeach the credit of the witness in the manner provided by the Evidence Act 1950 [Act 56].
- (3) Where the accused had made a statement during the course of a police investigation such statement may be admitted in evidence in support of his defence during the course of the trial.

³ Akta A1274.

⁴ Lihat di bawah tajuk Pengenalan.

(4) *Nothing in this section shall be deemed to apply to any statement made in the course of an identification parade or falling section 27 or paragraph 32(1(a) of the Evidence Act 1950.*

(5) *When any person is charged with any offence in relation to*

(a) the making; or

(b) the contents,

of any statement made by him to a police officer in the course of a police investigation made under this Chapter, that statement may be used as evidence in the prosecution's case.

Pernyataan Bermaran di bawah Kanun Prosedur Jenayah

Amaran yang diperuntukkan di bawah seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah hanya relevan selepas berlakunya tangkapan. Selepas sahaja tangkapan berlaku, beberapa peruntukan yang menjamin hak tertuduh akan berkuatkuasa seperti hak untuk mendapatkan seorang peguam, hak untuk mengetahui alasan tangkapan dan hak untuk berdiam diri. Hak-hak yang diberi oleh undang-undang ini adalah selaras dengan prinsip asas undang-undang jenayah iaitu seseorang itu adalah tidak bersalah kecuali dibuktikan bersalah.⁵ Salah satu hak yang diberikan kepada seseorang yang ditangkap oleh pihak berkuasa selepas sesuatu pernyataan bermaran diberikan adalah hak untuk tidak menjawab soalan-soalan yang ditujukan kepadanya. Hak ini dikenali sebagai hak untuk berdiam diri. Semasa perbicaraan, pernyataan bermaran boleh digunakan oleh pihak pendakwa untuk membuktikan kesnya atau untuk menguji kebenaran pembuat pernyataan atau untuk menyerang kredibiliti si pembuat pernyataan tersebut. Selain daripada itu, ia juga boleh digunakan oleh si pembuatnya untuk membuktikan kesnya sendiri.⁶ Peruntukan yang relevan dengan hak untuk berdiam diri telah dinyatakan di bawah seksyen 113(1)(a)(ii) KPJ yang berbunyi:

(ii) *Jika pernyataan itu dibuat sesudah dia ditangkap, sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa amaran telah diberikan kepadanya, dengan perkataan atau perkataan semakna, seperti berikut:*

"Adalah kewajipan saya memberi amaran kepada kamu, bahawa kamu tidak diwajibkan berkata apa-apa jua atau menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa jua kamu katakan, sama ada sebagai jawapan kepada sesuatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan"; dan

Seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah memberikan hak kepada tertuduh untuk tidak menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya oleh pihak polis

⁵ *Public Prosecutor v. Sihaludin bin Haji Salleh & Anor* [1980] 2 M.L.J. 273.

⁶ Lihat Musa bin Hj. Ismail, "Cautioned Statement: a Legal Study", Project Paper, Faculty of Law, University of Malaya (1981).

semasa berada di dalam siasatan.⁷ Namun begitu, jika tertuduh membuat pernyataan sebelum amaran diberikan, pernyataan itu masih boleh diterima sebagai keterangan asalkan amaran tersebut diberikan secepat mungkin selepas pernyataan tersebut diberikan.⁸ Keadaan ini sebenarnya akan menyebabkan apa-apa pernyataan yang memprejudiskan tertuduh boleh terima walaupun dibuat sebelum amaran diberikan. Perkara ini secara tidak langsung akan menafikan hak-hak tertuduh yang telah diberi oleh undang-undang. Namun begitu, jika amaran diberikan terlebih dahulu sebelum apa-apa pernyataan dibuat maka tertuduh akan mengetahui apakah hak-hak yang boleh beliau kuatkuasakan pada ketika itu. Dalam keadaan ini tertuduh boleh memilih sama ada ingin memberikan pernyataan atau tidak. Oleh yang demikian, idealnya apa-apa pernyataan harus dibuat selepas amaran diberikan kerana pada masa itu tertuduh boleh memilih sama ada untuk memberikan keterangan atau sebaliknya.

Salah satu hak yang penting diberikan kepada tertuduh melalui pernyataan beramaran ini ialah hak untuk berdiam diri. Hak tertuduh untuk berdiam diri telah diakui oleh Mahkamah Tinggi di dalam kes *Public Prosecutor v. Krishna Rao a/l Gurumurthi*.⁹ Mahkamah Tinggi di dalam kes ini telah menyatakan bahawa tertuduh mempunyai hak untuk berdiam diri dan beliau tidak terikat untuk mendedahkan kepada pihak polis selepas beliau ditangkap tentang pembelaan beliau apabila dituduh di mahkamah. Hakim Kang Hwee Gee di dalam kes ini telah memutuskan:

*The accused had the inherent right to silence that he was not bound to disclose to the police after his arrest what his defence would be when he was charged in court. The court was not inferring that by his failure to inform the police at the first reasonable opportunity of his story regarding his chanced discovery of the break in of the jewellery shop, he was in fact guilty. What the court was inferring was that such a story was inconsistent with his claimed innocence, which the court was entitled to draw.*¹⁰

Di samping itu, undang-undang juga memberikan perlindungan kepada tertuduh semasa membuat pernyataan beramaran ini. Ini kerana pernyataan yang dibuat oleh seseorang tertuduh di bawah seksyen 113 Kanun prosedur Jenayah ini haruslah diberikan secara sukarela. Peruntukan mengenai kesukarelaan ini adalah untuk memastikan bahawa tertuduh tidak memberikan apa-apa pernyataan dengan cara terpaksa atau diugut dan sebagainya. Justeru itu, seseorang tertuduh boleh menyatakan di mahkamah bahawa pernyataan yang telah dibuatnya adalah tidak sukarela sama ada kerana beliau telah didorong untuk berbuat demikian, kerana ugutan atau oleh kerana janji daripada pihak yang berkuasa. Tertuduh di dalam hal ini tidak perlu membuktikan apa-apa kecuali beliau harus menyatakan kepada mahkamah siapakah yang telah

⁷ *Ibid.*

⁸ Seksyen 113(1)(b) Kanun Prosedur Jenayah.

⁹ [2000] 1 M.L.J. 274.

¹⁰ *Id.* muka surat 276.

memaksa, mendorong atau mengugut beliau untuk membuat pernyataan tersebut.

Diputusan di dalam kes *Naikan v. Public Prosecutor*¹¹ bahawa kata-kata daripada pengurus tempat tertuduh bekerja juga terjumlah kepada maksud "seseorang yang berkuasa". Perkataan yang digunakan kepada tertuduh iaitu 'lebih baik kamu berkata benar' dikatakan terjumlah kepada suatu ugutan. Di dalam kes *Public Prosecutor v. Liik Ching Kwong*¹² Hakim Chong Siew Fai telah menyatakan bahawa perkataan 'kamu harus berkata benar, jika tidak kamu akan didakwa' adalah jelas mengandungi elemen ugutan di dalamnya.¹³ Ugutan atau dorongan tidak perlu berlaku secara langsung terhadap tertuduh. Adalah memadai jika ia berlaku secara tidak langsung sama ada melalui kata-kata atau perbuatan oleh pihak yang berkuasa. Mahkamah pula harus berpuas hati bahawa berdasarkan kepada fakta dan keadaan kes, tertuduh pada masa itu merasakan beliau perlu membuat pernyataan tersebut sama ada beliau suka atau tidak.¹⁴ Satu dorongan walaupun kecil akan menyebabkan sesuatu pernyataan itu tidak akan diterima oleh mahkamah.¹⁵ Selain daripada itu, jika tertuduh telah disoal siasat oleh pihak berkuasa dalam jangkamasa yang begitu lama juga adalah dikatakan terjumlah kepada satu dorongan.¹⁶

Oleh yang demikian, jika sesuatu pernyataan dipertikaikan kesukarelaannya maka pihak pendakwaan harus membuktikan sebaliknya. Adalah menjadi tugas pihak pendakwaan untuk membuktikan sehingga tanpa keraguan yang munasabah kepada mahkamah bahawa pernyataan yang dibuat oleh tertuduh bebas daripada sebarang unsur dorongan, ugutan atau janji.¹⁷ Tertuduh pula tiada sebarang tugas atau obligasi untuk membuktikan di mahkamah bahawa pernyataan yang telah dibuatnya telah diperolehi secara tidak sukarela.¹⁸ Jika pihak pembelaan mempertikaikan pernyataan yang telah dibuat oleh tertuduh maka mahkamah dalam menentukan isu kesukarelaan harus melakukan perbicaraan dalam perbicaraan (*voir dire*).¹⁹ *Voir dire* akan dilakukan oleh pihak mahkamah untuk menentukan kesukarelaan sesuatu pernyataan atau pengakuan yang telah dibuat oleh tertuduh.²⁰ Prosedur *voir dire* telah dijelaskan di dalam kes *Abdul Mahmud v. Public Prosecutor*²¹ yang mana telah dijelaskan oleh mahkamah:

¹¹ [1961] M.L.J. 147.

¹² [1988] 1 M.L.J. 398.

¹³ *Id.* muka surat 400.

¹⁴ *Mohamed Yusof v. Public Prosecutor* [1983] 2 M.L.J. 167.

¹⁵ *Selvadurai v. Public Prosecutor* [1948-49] M.L.J. Supp. 43.

¹⁶ Lihat kes *Dato Mokhtar Hashim v. Public Prosecutor* [1983] 2 M.L.J. 232; *Kamde bin Raspani v. Public Prosecutor* [1988] 3 M.L.J. 289; [1988] 2 C.L.J. 644.

¹⁷ *Public Prosecutor v. Chong Boo See* [1988] 3 M.L.J. 292.

¹⁸ *Hasibullah bin Mohd Ghazali v. Public Prosecutor* [1993] 3 M.L.J. 321.

¹⁹ *Voir Dire*: *Wee Chong Jin C.J.* di dalam kes *Lim Seng Chuan v. Public Prosecutor* [1977] 1 M.L.J. 171 telah menyatakan:

Where evidence is led before a court for it to decide whether or not a cautioned statement or a confession should be admitted as evidence against an accused person, the proceedings during which such evidence is led and heard by the court has invariably been termed "a trial within a trial" by our courts.

²⁰ Lihat S. Augustine Paul, *Trial Within a Trial*, Old Barley Press, (1994) muka surat xxvi.

²¹ [1980] 2 M.L.J. 50.

It is settled law that the question of voluntariness of such statement lies upon the prosecution to establish. The trial is still in the prosecution stage. The duty is not for the accused to negative it. On the contrary, it is the duty of the prosecution to prove the statement is a voluntary one in the sense that it has not been obtained from the accused either by any threat or inducement or with hope of getting an advantage on a promise held out by a person in authority. Before putting the statement in, the prosecution has to satisfy itself thereon and adduce evidence in support thereof. The accused is entitled to cross-examination and thereafter to give evidence in support of his objection. Similarly the prosecution is also entitled to cross-examine the accused and his witnesses, if any. At the close of the case, the court has to make a decision whether the statement was made voluntarily or otherwise.²²

Berdasarkan kepada peruntukan yang sedia ada di dalam Kanun Prosedur Jenayah pada masa kini, kedudukan orang yang kena tuduh masih lagi terpelihara. Terpelihara di sini lebih menjurus kepada hak-hak mereka untuk berdiam diri atau membuat apa-apa pernyataan kepada pihak yang berkuasa dengan sukarela. Hak ini merupakan sesuatu yang amat penting kerana apabila ditangkap dan semasa berada di dalam siasatan hak tertuduh untuk mendapat khidmat peguam pilihannya boleh dilewatkan. Mahkamah Persekutuan di dalam kes Hashim bin Saud v. Yahya bin Hasim & Anor²³ juga telah memutuskan bahawa hak seseorang yang ditangkap untuk mendapatkan peguam pilihannya adalah salah satu hak yang telah dijamin oleh Artikel 5 fasal (3) Perlembagaan Persekutuan. Hak ini bermula pada hari individu tersebut ditangkap tetapi tidak boleh dikuatkuasakan serta merta selepas beliau ditangkap jika ia menghalang siasatan pihak polis atau mengganggu pentadbiran pengadilan jenayah.

Di bawah prinsip *common law*, hak untuk mendapatkan nasihat daripada seorang peguam adalah satu hak yang amat penting bagi seseorang individu.²⁴ Di United Kingdom, Orang Yang Disyaki (OYDS)²⁵ boleh mendapatkan khidmat seorang peguam sebaik sahaja beliau ditangkap.²⁶ Walau bagaimanapun, hak ini tertakluk kepada dua pengecualian iaitu jika OYDS dituduh bagi satu kesalahan yang serius atau kebenaran daripada pegawai berpangkat Superitendan ke atas diperolehi untuk menanggungkan kehadiran peguam bagi OYDS.²⁷ Selain daripada itu, OYDS juga harus dibenarkan untuk mendapatkan khidmat peguam pilihannya secepat mungkin²⁸ atau dalam jangkamasa tiga puluh enam jam.²⁹

²²Lihat kes *Ibrahim v. The King* [1914] A.C. 599.

²³ [1977] 2 M.L.J. 116.

²⁴ Lihat kes *Samuel* [1988] 2 All E.R. 135; Andrew Sanders and Lee Bridges, "Access to Legal Advice and Police Malpractice", [1990] Crim. L.R. 494; J. Baldwin and M. McConville, "Police Interrogation and the Right to see a Solicitor" [1979] Crim.L.R. 175; M. Zanders, "Access to a Solicitor in the Police Station" [1979] Crim.L.R. 342.

²⁵ Orang Yang Disyaki.

²⁶ Seksyen 58(1) *Police and Criminal Evidence Act 1984*.

²⁷ Seksyen 58(6) *Police and Criminal Evidence Act 1984*; Kelewatan untuk mendapatkan peguam harus berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan di bawah seksyen 8 dan seksyen 8A *Police and Criminal Evidence Act 1984*.

²⁸ Seksyen 58(4) *Police and Criminal Evidence Act 1984*.

Apa-apa alasan bagi kelewatan untuk OYDS mendapatkan peguam pilihannya harus diberitahu kepada OYDS dan ia juga harus direkodkan.³⁰

Di India pula, hak OYDS untuk mendapatkan khidmat peguam pilihannya termaktub di bawah Artikel 22 fasal (1) Perlembagaan India yang berbunyi:

No person who is arrested shall be detained in custody without being informed, as soon as may be, of the grounds of such arrest nor shall be denied the right to consult, and to be defended by, a legal practitioner of his choice.

Mahkamah di India telah memberikan definisi yang lebih luas kepada Artikel 22 fasal (1) Perlembagaan India ini. Berdasarkan kepada Artikel 22 fasal (1), OYDS harus diberi hak untuk mendapatkan nasihat undang-undang daripada peguam pilihannya semasa berada di dalam jagaan polis serta semasa siasatan bermula.³¹ Dalam hal ini, adalah menjadi tugas seorang Majistret untuk memastikan bahawa OYDS mendapat hak untuk diwakili oleh seorang peguam semasa beliau di bawah jagaan polis terutamanya selepas OYDS ditangkap dan dituduh dengan sesuatu pertuduhan.³²

Kehadiran peguam semasa tertuduh di dalam siasatan atau selepas tangkapan adalah satu hak yang amat penting. Ini kerana dengan adanya peguam maka segala hak yang dijamin dan boleh dikuatkuasakan oleh tertuduh akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Dengan adanya peguam, tertuduh akan mendapat nasihat yang secukupnya tentang segala persoalan undang-undang semasa sesi siasatan dengan pihak yang berkuasa. Peguam pula boleh bertindak sebagai pemerhati agar siasatan yang dijalankan oleh pihak yang berkuasa dapat dijalankan dengan professional serta mengikut lunas undang-undang yang telah ditetapkan.³³

Pernyataan beramaran di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.³⁴

Akta Pencegahan Rasuah 1997 ("selepas ini dirujuk sebagai APR") telah digubal pada tahun 1997 bagi usaha mencegah kesalahan jenayah rasuah yang semakin berleluasa di negara ini. Akta ini memperuntukkan prosedur siasatan jenayah yang berbeza dengan Kanun Prosedur Jenayah. Tujuan penggubalan APR telah dinyatakan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim³⁵ semasa di Parlimen iaitu:³⁶

Tuan Yang Di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta yang dinamakan Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang bertujuan

²⁹ Seksyen 58(5) *Police and Criminal Evidence Act 1984*.

³⁰ Seksyen 58(9) *Police and Criminal Evidence Act 1984*.

³¹ *Sundar Singh v. Emperor A.I.R.* [1930] 945.

³² *Kailash Nath v. Emperor A.I.R.* [1947] 436.

³³ Akta A1274 ada memperuntukkan seksyen baru iaitu seksyen 28A yang memperuntukkan hak tertuduh untuk mendapatkan peguam, namun adakah peruntukan ini benar-benar dapat mengubah kedudukan yang sedia ada masih lagi menjadi tanda tanya.

³⁴ Akta No. 575.

³⁵ Pada masa itu beliau adalah Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Malaysia.

³⁶ Malaysia Perbahasan Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Ketiga, Jilid 3, Bill 34-37 Julai 1997.

menyatu dan menyelaraskan Undang-Undang Pencegah Rasuah yang sedia ada, memasukkan peruntukan-peruntukan baru yang lebih kemas terutama bagi usaha-usaha pencegahan rasuah, memberi kuasa-kuasa menyiasat dan peruntukan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah jenayah rasuah supaya negara dapat menangani jenayah rasuah secara lebih tegas dan dengan lebih berkesan.³⁷

Selepas pengubalan APR, beberapa peruntukan baru telah dibawa masuk dan membawa pembaharuan yang ketara ke dalam sistem perundangan di Malaysia. Perkara yang paling jelas ialah mengenai amaran yang telah diperuntukkan di bawah APR ini yang amat berbeza dengan amaran yang terdapat di bawah Kanun Prosedur Jenayah. Seksyen di bawah APR yang berkaitan dengan hak tertuduh untuk berdiam diri semasa berada di dalam siasatan ialah seksyen 45 APR. Di bawah peruntukan ini amaran yang harus diberikan kepada tertuduh selepas ditangkap dinyatakan di bawah seksyen 45(3) APR yang berbunyi:

- (3) *Jika seseorang ditangkap atau dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah disampaikan padanya suatu notis bertulis, yang hendaklah diterangkan kepadanya, yang bermaksud seperti yang berikut:*

“Kamu telah ditangkap/dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas...(kesalahan di bawah Akta ini yang mungkin dipertuduhkan). Adakah kamu hendak mengatakan apa-apa? Jika ada apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu di mahkamah, kamu dinasihati supaya menyatakannya sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke mahkamah, kurang kemungkinan keterangan kamu akan dipercayai dan hal ini akan membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya. Jika kamu ingin menyatakan apa-apa fakta sekarang, dan kamu mahu ia ditulis, ini akan dilakukan.”³⁸

Peruntukan ini adalah mengenai kebolehterimaan pernyataan yang telah dibuat oleh seseorang tertuduh semasa berada di dalam siasatan. Di bawah peruntukan ini, tindakan tertuduh yang berdiam diri semasa berada di dalam siasatan boleh diterima sebagai keterangan.³⁹ Peruntukan ini mewajibkan tertuduh untuk menyatakan apa-apa fakta yang berkaitan dengan pembelaan yang akan digunakan semasa perbicaraan. Kegagalan tertuduh untuk mengemukakan fakta tersebut semasa siasatan dan hanya menggunakannya semasa perbicaraan maka fakta tersebut kemungkinan tidak akan dianggap kredible oleh mahkamah. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak mewajibkan tertuduh untuk menyatakan apa-apa fakta semasa berada di dalam siasatan polis. Namun begitu, tertuduh memilih untuk berdiam diri maka mahkamah boleh membuat

³⁷ *Op. cit.* muka surat 42.

³⁸ *In pari materia* dengan seksyen 122(6) Kanun Prosedur Jenayah Singapura.

³⁹ Malaysia Rang Undang-Undang, 48, 1997, Tamb. 1-7.

apa-apa anggapan yang dianggap sesuai di atas tindakan tertuduh tersebut. Perkara ini telah dinyatakan di bawah seksyen 45(6) APR yang berbunyi:

Jika dalam mana-mana prosiding jenayah terhadap seseorang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, keterangan diberikan bahawa tertuduh, apabila dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa kerananya, gagal menyatakan apa-apa fakta, iaitu fakta yang dalam hal keadaan yang wujud pada masa itu semunasabahnya dapat dijangkakan akan menyatakannya apabila dimaklumkan sedemikian, maka mahkamah, dalam menentukan sama ada tertuduh bersalah atas kesalahan yang dipertuduhkan, boleh membuat apa-apa kesimpulan daripada kegagalan itu sebagaimana yang pada pendapatnya patut; dan kegagalan itu boleh, berasaskan kesimpulan itu, dikira sebagai, atau sebagai dapat terjumlah kepada, sokongan apa-apa keterangan yang diberikan terhadap tertuduh yang berhubungan dengannya kegagalan itu adalah sesuatu yang matan.⁴⁰

Oleh kerana Akta Pencegahan Rasuah ini baru sahaja diperkenalkan pada tahun 1997 dan tiada kes lagi yang membincangkan mengenai isu ini maka kedudukan di Singapura boleh dirujuk sebagai panduan. Ini adalah kerana di Singapura, seksyen 122(6) dan seksyen 123 Kanun Prosedur Jenayah telah diperkenal dan digunakan semenjak dari tahun 1976 lagi. Di Singapura, ujian yang digunakan untuk memutuskan sama ada tindakan tertuduh yang berdiam diri semasa berada di dalam siasatan polis adalah munasabah atau tidak ialah adakah dalam keadaan setelah tertuduh diberitahu akan pertuduhan yang dibuat ke atasnya, tertuduh secara munasabahnya akan menyatakan apa-apa keterangan atau fakta yang mana beliau akan bergantung kepadanya semasa perbicaraan.⁴¹

Oleh yang demikian, di dalam situasi ini tertuduh dikatakan mempunyai obligasi untuk menyatakan pembelaannya kepada pihak polis. Kegagalan untuk menyatakan pembelaannya akan membolehkan mahkamah membuat inferen terhadap tertuduh.⁴² Namun begitu, obligasi ini hanya bermula setelah tertuduh dimaklumkan secara rasmi atau secara bertulis bahawa beliau akan didakwa di bawah kesalahan yang dipertuduh.⁴³ Di dalam kes Yap Giau Beng Terence v. Public Prosecutor⁴⁴ yang mana di dalam kes ini perayu semasa membuat pernyataan beramaran di bawah seksyen 122(6) Kanun Prosedur Jenayah Singapura telah menyatakan kepada pihak polis bahawa beliau ingin berjumpa dengan peguamnya sebelum memberikan keterangan. Akibat daripada tindakannya itu, satu inferen telah dibuat oleh Mahkamah Perbicaraan dan beliau telah disabitkan. Mahkamah Tinggi semasa menolak rayuan perayu telah memutuskan bahawa:

⁴⁰ *In pari materia* dengan seksyen 123(1) Kanun Prosedur Jenayah Singapura.

⁴¹ *Tsang Yuk Chung v. Public Prosecutor* [1990] 3 M.L.J. 264.

⁴² *Foong Seow Ngui & Ors v. Public Prosecutor* [1995] 3 S.L.R. 785.

⁴³ *Sundram Jaykumal v. Public Prosecutor* [1980-1981] S.L.R. 84.

⁴⁴ [1998] 3 S.L.R. 656.

The appellant contended that the trial judge should not have drawn an adverse inference from his failure to raise the material aspects of his defence in his cautioned statements. His explanation was that he had wished to consult a lawyer first and did not want to say the 'wrong things'. I found this explanation to be completely unacceptable. The whole purpose of s 123 is to compel the accused to outline the main aspects of his defence immediately upon being charged so as to guard against the accused raising defences at trial which are merely afterthoughts. If the accused is allowed to escape the consequences of s 123 simply by explaining that he wished to consult a lawyer first before saying anything, s 123 would be rendered otiose. I would emphasise at this point that it is not in every case that an adverse inference is drawn against an accused who keeps silent upon being charged. An adverse inference will be drawn only if he fails to mention facts which he could reasonably have been expected to mention upon being charged.⁴⁵

Persoalannya ialah, apakah inferen yang boleh dibuat oleh mahkamah jika tertuduh berdiam diri semasa berada di dalam siasatan polis? Di dalam kes *Lau Lee Peng v. Public Prosecutor*,⁴⁶ Mahkamah Rayuan Jenayah Singapura menyatakan:

*What inference should ultimately be drawn under s. 122 (6) and 123(1) of the CPC against the accused for an omission is really a matter of judgment for the trial judge, who would no doubt consider it in the light of the nature of the omitted fact(s) in relation to the charge the accused faced. Another pertinent factor would be whether any challenge has been raised by the accused concerning the adequacy of the explanation given to him. There should also be other factors.*⁴⁷

Walau bagaimanapun, jika seseorang tertuduh semasa berada di dalam siasatan telah menyatakan sesuatu yang terjumlah kepada satu penafian terhadap pertuduhan sebelum amaran di bawah seksyen 122(6) Kanun Prosedur Jenayah Singapura diberikan maka inferen tidak boleh dibuat terhadapnya.⁴⁸ Namun, jika seksyen 122(6) Kanun Prosedur Jenayah Singapura tidak diikuti dengan ketat, ia tidak akan menyebabkan pernyataan di bawah seksyen tersebut tidak boleh diterima tetapi akan diambil kira oleh mahkamah semasa memutuskan apakah inferen yang boleh dibuat di dalam keadaan tersebut.⁴⁹

⁴⁵ *Id.* muka surat 667-668; Keputusan disampaikan oleh Yong Pung How C.J.

⁴⁶ [2000] 2 S.L.R. 628.

⁴⁷ *Id.* muka surat 643.

⁴⁸ Keputusan Mahkamah Tinggi Singapura di dalam kes *Tay Kok Poh Ronnie v. Public Prosecutor* [1996] 1 S.L.R. 185.

⁴⁹ *Tsang Yuk Chung v. Public Prosecutor* [1990] 3 M.L.J. 264, keputusan Mahkamah Rayuan Jenayah Singapura.

Kesan hak untuk berdiam diri semasa siasatan di Malaysia.

Persoalannya ialah, apakah kesannya jika tertuduh memilih untuk berdiam diri semasa berada di dalam siasatan polis? Bolehkah mahkamah membuat inferen terhadap tertuduh kerana tindakannya berdiam diri semasa berada di dalam siasatan? Di Malaysia, semasa berada di dalam siasatan tertuduh masih mempunyai hak untuk berdiam diri.⁵⁰ Oleh yang demikian, tertuduh berhak untuk berdiam diri semasa berada di dalam siasatan polis tanpa perlu takut kepada apa-apa pendakwaan yang mungkin dibuat terhadapnya akibat daripada tindakannya yang memilih untuk berdiam diri.⁵¹ Di dalam kes *Teng Boon How v. Pendakwa Raya*⁵², Mahkamah Persekutuan semasa membenarkan rayuan perayu yang telah disabitkan di bawah seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, telah memutuskan:

The judge failed to recognize that: (i) the appellant had a right to silence when interrogated by the police, whether before or after being cautioned, except where the defence of the accused was an alibi; and (ii) although a judge could properly comment that an explanation had been given for the first time at the trial, that had to be done with care and fairness to the accused in all the circumstances of the case. Where the judge took into consideration the belatedness of an explanation offered by an accused for the first time at the trial as diminishing the weight of that explanation, he should make it clear that he recognized the right of the accused to remain silent and that he was not drawing an inference of guilt from such silence. No particular from of words was necessary provided his mind on the matter was clearly revealed in his judgment. In the present case, the judgment of the judge clearly suffered from these defects and there was a misdirection on that score.⁵³

Justeru itu, tertuduh semasa berada di dalam siasatan polis boleh memilih untuk berdiam diri atau tidak mengemukakan pembelaannya.⁵⁴ Tertuduh juga tidak boleh disoal balas atas alasan apakah beliau tidak menjawab soalan-soalan selepas diberi amaran oleh pihak polis.⁵⁵ Dengan memilih untuk berdiam diri, seseorang individu itu sebenarnya sedang menggunakan haknya yang dibenarkan oleh undang-undang dan oleh yang demikian tiada anggapan bersalah boleh dibuat terhadap beliau.⁵⁶

⁵⁰ Lihat seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah, seksyen 37A Akta Dadah Berbahaya 1952, seksyen 75 Akta Keselamatan Dalam Negeri dan seksyen 15 Akta Pencolekan 1961.

⁵¹ S. Augustine Paul, "The Decline of the Right of Silence", [1990] 2 C.L.J. v; <http://www.cljlaw.com>.

⁵² [1993] 3 M.L.J. 553.

⁵³ *Id.* muka surat 554.

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Omar bin Daud & Anor v. Public Prosecutor (Penang Criminal Trial No. 58-3-84, unreported)*; S. Augustine Paul, "The Decline of the Right of Silence", *supra.* nota 267.

Walau bagaimanapun, kedudukan yang berbeza diperuntukkan di bawah seksyen 45 Akta Pencegahan Rasuah 1997 (APR). Seseorang yang dituduh di bawah Akta ini boleh memilih untuk berdiam diri namun risiko yang akan beliau hadapi ialah inferen yang boleh dibuat oleh pihak mahkamah. Oleh yang demikian, di bawah peruntukan ini tertuduh semasa berada di dalam siasatan perlu menyatakan fakta yang akan beliau gunakan sebagai pembelaan. Jika beliau mengemukakan fakta tersebut semasa perbicaraan maka fakta tersebut berkemungkinan tidak akan diterima oleh mahkamah.⁵⁷

Kesimpulan

Oleh yang demikian, di Malaysia, sama ada tertuduh boleh berdiam diri semasa berada di dalam siasatan bergantung kepada jenis peruntukan yang digunakan di dalam siasatan. Jika tertuduh disiasat di bawah Kanun Prosedur Jenayah, hak berdiam diri tertuduh masih lagi terpelihara dan begitu juga jika tertuduh disiasat di bawah statut yang mempunyai peruntukan yang in pari materia dengan Kanun Prosedur Jenayah. Kesan yang sebaliknya akan berlaku jika tertuduh disiasat di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997. Ini kerana dengan memilih untuk berdiam diri akan membolehkan mahkamah membuat inferen terhadapnya semasa perbicaraan. Ini secara tidak langsung akan merugikan kedudukan tertuduh yang memilih untuk berdiam diri semasa disiasat di bawah kesalahan-kesalahan rasuah. Namun begitu, penulis merasakan bahawa hak untuk berdiam diri yang selama ini diberikan kepada tertuduh semasa ditangkap oleh pihak yang berkuasa melalui pernyataan beramaran yang diberikan haruslah dikekalkan. Ini adalah kerana tekanan yang diterima oleh mereka yang ditangkap memungkinkan mereka membuat pernyataan-pernyataan yang memprejudiskan diri mereka tanpa mengetahui apakah kesannya. Dalam hal ini, Wigmore telah menyenaraikan 11 hujah kebaikan "privilege against self-incrimination" iaitu:⁵⁸

1. It protects the innocent defendant from convicting himself by a bad performance on the witness stand.
2. It avoids burdening the courts with false testimony.
3. It encourages third party witnesses to appear and testify by removing the fear that they might be compelled to incriminate themselves.
4. It is a recognition of the practical limits of governmental power; truthful self-incrimination answers cannot be compelled, so why try.
5. It prevents procedures of the kind used by the infamous courts of Star Chamber, High Commission and Inquisition.
6. It is justified by history, whose tests it has stood; the tradition which it has created is a satisfactory one.
7. It preserves respect for the legal process by avoiding situations which are likely to degenerate into undignified, uncivilized and regrettable scenes.

⁵⁷ Lihat seksyen 45(3) Akta Pencegahan Rasuah 1997.

⁵⁸ *Wigmore on Evidence* (McNaughton rev. 1961) para 2251.

8. It spurs the prosecutor to do a complete and competent independent investigation.
9. It aids in the frustration of "bad laws" and "bad procedures", especially in the area of political and religious belief.
10. Together with the requirement of probable cause prior to prosecution, it protects the individual from being prosecuted for crimes of insufficient notoriety or seriousness to be of real concern to society.
11. It prevents torture and other inhumane treatment of human being. It contributes towards a fair state/individual balance by requiring the government to leave the individual alone until good cause is shown for disturbing him and by requiring the government in its contest with the individual to shoulder the entire load

Bibliografi

- Wigmore on Evidence (*McNaughton rev. 1961*).
- S. Augustine Paul, "The Decline of the Right of Silence", [1990] 2 C.L.J Malaysia Perbahasan Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Ketiga, Jilid 3, Bill 34-37 Julai 1997.
- Zulazhar bin Tahir "Hak Untuk Berdiam Diri" LLM, Universiti Malaya (2002).
- Musa bin Hj. Ismail, "Cautioned Statement: a Legal Study", Project Paper, Faculty of Law, University of Malaya (1981).
- Augustine Paul, *Trial Within a Trial*, Old Barley Press, (1994).
- Andrew Sanders and Lee Bridges, "Access to Legal Advice and Police Malpractice", [1990] *Crim. L.R.* 494.
- J. Baldwin and M. McConville, "Police Interrogation and the Right to see a Solicitor" [1979] *Crim.L.R.* 175.
- M. Zanders, "Access to a Solicitor in the Police Station" [1979] *Crim.L.R.* 342.
- Zulazhar bin Tahir "Perkembangan Hak Untuk Berdiam Diri di Malaysia dari Perspektif Akta Pencegahan Rasuah 1997", *JUUM Vol. 9*, 2005.
- Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)
- Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575).
- Kanun Prosedur Jenayah (Singapura).
- Police and Criminal Evidence Act 1984 (United Kingdom).

